

Kaji tempoh kempen

Sedang difikirkan, jika dilaksanakan mengikut kesesuaian

Sinar Harian 9/2/2012 MS: 4

NORHASRAM MOHAMAD

KOTA BHARU - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) belum memastikan sama ada melanjutkan tempoh berkempen Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) atau mengemukakan amalan semasa sehingga 13 hari.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, perkara itu akan dilaksanakan mengikut kesesuaian.

"Ada tuntutan tempoh kempen dipanjangkan dengan alasan pengundi belum mengenali calon dan pengundi tidak sempat memahami manifesto.

"Ada parti politik bersetuju dengan tempoh kempen sedia ada, kita pun maklum tempoh panjang juga memerlukan kos lebih besar dan apa yang pasti sistem yang kita laksanakan lebih baik berbanding sistem yang diguna pakai pada PRU lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Taklimat Persediaan PRU-13 kepada pegawai-pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Pasukan Penguat kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) di sini, semalam.

Wan Ahmad berkata, PRU13 akan memberi keutamaan kepada pemerhati tempatan yang lebih memahami budaya, sensitiviti dan undang-undang negara.

"Pemerhati dari luar tidak memahami situasi sebenar sedangkan sistem yang kita



Wan Ahmad (tengah) pada sidang media selepas taklimat persediaan PRU13, semalam.

buat sememangnya sesuai dengan negara kita, tidak adil apabila mereka memberi gambaran tidak benar mengenai proses pengundian negara," katanya.

Wan Ahmad mengakui aktiviti parti politik negara ini, menarik perhatian pemerhati luar dan mereka datang dalam masa singkat untuk membuat penilaian kerana mereka tidak mempunyai kepentingan di negara ini.

"SPR memerlukan maklum balas pemerhati tapi jangan sesekali memberi gambaran tidak betul mengenai proses pilihan raya kerana sistem yang kita gunakan sesuai untuk negara kita dan mungkin tidak sesuai untuk negara mereka," katanya.

SPR katanya, meminta orang ramai tidak menunggu saat akhir untuk mendaftar nama sebagai pengundi bagi mengelak nama tercicir daripada senarai pengundi.

"Lazimnya kita menerima pendaftaran tiga kali ganda lebih tinggi pada suku tahun sebelum pilihan raya dan ini memberi masalah untuk memproses nama mereka di saat akhir sehingga mereka memperlekehkan SPR.

"Pada PRU12, secara puratanya kita menerima 200,000 pengundi baru dan 50,000 mereka yang bertukar alamat setiap suku tahun. 500,000 hingga 600,000 daripada sejuta pendaftar berbuat demikian pada suku akhir sebelum pilihan raya," katanya.